

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : Y.B. DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
[PENGERANG]

SOALAN NO. 405

Y.B. DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID [PENERANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah polisi dan dasar Kerajaan sekarang dalam melaksanakan proses penilaian tender bagi menjamin ketelusan serta siapakah ahli-ahli yang menganggotai Jawatankuasa-jawatankuasa Proses Tender di peringkat Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses pengurusan perolehan Kerajaan adalah dilaksanakan berteraskan kepada lima prinsip utama iaitu, pertama; akauntabiliti awam, kedua; diuruskan secara telus, ketiga; memberi nilai faedah yang terbaik, keempat; mewujudkan saingan terbuka dan terakhir; mestilah adil dan saksama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan melalui Pekeliling Perbendaharaan/ PK 2.1: Kaedah Perolehan Kerajaan telah menyediakan Garis Panduan Penilaian Tender bertujuan memberi panduan pelaksanaan proses penilaian tender bagi menjamin kecekapan, ketelusan serta nilai faedah terbaik kepada Kerajaan.

Kementerian / Agensi yang melaksanakan perolehan hendaklah menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa tertentu untuk proses perolehan yang teratur dan sempurna. Jawatankuasa-jawatankuasa yang terlibat, keahlian dan tanggungjawab mereka adalah seperti berikut:

Jawatankuasa	Keahlian	Tanggungjawab
Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi	Sekurang-kurangnya tiga (3) orang pegawai yang mahir dan berkelayakan dalam bidang berkenaan	Merangka dan mewujudkan spesifikasi bekalan/ perkhidmatan/ kerja yang sempurna dan jelas
Jawatankuasa Pembuka Tender	Sekurang-kurangnya oleh dua (2) orang pegawai, di mana seorang daripadanya terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf	Menyediakan laporan pembukaan tender

<p>Jawatankuasa Penilaian Teknikal</p>	<p>Sekurang-kurangnya tiga (3) orang, di mana sekurang-kurang seorang daripadanya terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf serta berpengalaman dan berkelayakan</p>	<p>Menilai kemampuan teknikal petender seperti kakitangan profesional dan teknikal, pengalaman kerja, rekod prestasi, projek yang sedang dilaksanakan/ dalam tangan</p>
<p>Jawatankuasa Penilaian Harga</p>	<p>Sekurang-kurangnya dua (2) orang, di mana salah seorang daripadanya terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf.</p>	<p>Membuat perbandingan harga berasaskan kepada faktor atau unsur yang sama (<i>equal footing</i>) seperti syarat pembayaran, kadar pembayaran, tempoh, diskaun, harga pasaran terbuka, keupayaan pretender dan sebagainya yang dibuat</p>
<p>Lembaga Perolehan</p>	<p>Tidak kurang daripada tiga (3) orang termasuk Pengerusi. Ahli Lembaga Perolehan Persekutuan dilantik oleh Menteri Kewangan dan diwartakan di dalam Warta Kerajaan Persekutuan</p>	<p>Sebagai Pihak Berkuasa Melulus yang akan mempertimbang dan menyetujui terima tender sehingga had nilai ditetapkan.</p>